

U 06-12 00169 BH749

BAH
Mahathir - Polis

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) — Rakyat perlu menghayati dan memahami setiap tindakan polis dalam menjaga keamanan di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Dengan itu, kerjasama media massa adalah penting bagi menjalinkan hubungan dengan rakyat yang kadang kala tidak menghargai keadaan aman yang sedia ada, katanya ketika berucap pada Malam Polis-Sebaran Am di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi contoh peristiwa Memali di mana segolongan rakyat tidak memahami tindakan polis dan peristiwa di Terengganu baru-baru ini di mana segolongan rakyat mengambil tindakan sendiri dengan menghalang polis menjalankan tugas mereka.

+Amatlah penting sekali setiap tindakan yang dijalankan oleh polis atau mana-mana badan kerajaan difahami oleh rakyat kerana di zaman moden ini setiap tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dipersoalkan oleh rakyat,+ kata beliau.

Dalam keadaan yang mana rakyat tidak memahami tindakan polis, kerjasama pihak media massa adalah penting, kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri. — Lagi.

06/12/00-42MST

CNS6998

U GE 06-12 00098 BH750

BAH
Mahathir - Polis 2 Kuala Lumpur

Beliau berharap media massa dapat menghayati tugas dan tindakan yang dilakukan oleh polis dan sebaliknya polis juga perlu menghayati tugas media massa yang tidak kurang pentingnya dalam masyarakat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan aman di negara ini juga menyebabkan segolongan rakyat yang mengambil mudah dan kadang kala boleh menyebabkan mereka tidak menghayati tugas-tugas polis.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Ketua Polis Negara Tan Sri Haniff Omar. — Bernama

06/12/00-43MST